



Siaran

AKHBAR

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 3 (67) 07/06

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA TAHUN 2019

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertahanan telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama seluruh warga awam Kementerian dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertempat di Dewan Seroja, Kementerian Pertahanan di sini, hari ini.

Majlis yang disempurnakan oleh Menteri Pertahanan, YB Tuan Haji Mohamad bin Sabu adalah bertujuan untuk meraikan warga Kementerian awam dan ATM yang berkhidmat di Kementerian Pertahanan. Seramai hampir 5000 warga Kementerian termasuk tetamu-tetamu jemputan telah hadir memeriahkan sambutan pada kali ini.

Pada majlis ini, Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM turut menyampaikan sumbangan kepada beberapa golongan yang memerlukan. Ini termasuklah pesara ATM dan ahli keluarga mereka iaitu seramai 15 penerima terdiri daripada lapan penerima bantuan Institut Pengajian Tinggi Awam, seorang penerima bantuan sara hidup dan enam orang penerima bantuan peralatan pesakit manakala Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Kementerian Pertahanan pula menyampaikan sumbangan kepada lapan orang ibu tunggal menjadikan jumlah keseluruhan penerima hari ini ialah seramai 23 orang. Senarai penuh penerima seperti di **Lampiran**.

Turut hadir pada sambutan kali ini ialah Timbalan Menteri Pertahanan, YB Senator Liew Chin Tong; Isteri Menteri Pertahanan, Puan Hajah Normah Alwi; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali serta isteri Datin Seri Norizam binti Che Mohd Nor; Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Hj Zulkifli Bin Hj Zainal Abidin dan isteri serta Panglima-panglima Perkhidmatan, Pengurusan Tertinggi Kementerian serta seluruh warga ATM dan awam Kementerian.

-TAMAT-

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"